



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 4 JANUARI 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	HARGA MAKANAN TERNAKAN NAIK HINGGA 34 PERATUS, BISNES, BH -24 CADANGAN AWAL KESTABILAN HARGA MAKANAN DIBAWA KE KABINET ESOK, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
3. 4. 5. 6.	LPP SEMAK SENARAI LAYAK DAPAT BANTUAN BERNAS, NASIONAL, BH -4 PENYALURAN PERUNTUKAN KHAS BERNAS BERPERINGKAT, NASIONAL, SH -10 LPP KENAL PASTI SENARAI PESAWAH LAYAK DAPAT BANTUAN KHAS BERNAS, ASTRO AWANI -ONLINE 20,598 PESAWAH PANTAI TIMUR PENERIMA PERTAMA AGIHAN BANTUAN KHAS BERNAS, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7.	PENGUSAHA RUGI, SARANG KELULUT HANYUT, NEGARA, KOSMO -15	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Harga makanan ternakan naik hingga 34 peratus

Jejas margin keuntungan penternak tempatan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kenaikan harga makanan ternakan sehingga 34 peratus menjejaskan margin keuntungan penternak tempatan, demikian mengikut Affin Hwang Investment Bank.

Mengikut bank pelaburan itu dalam nota penyelidikannya baru-baru ini, harga soya dan jagung masing-masing meningkat sebanyak 16.2 peratus dan 34.8 peratus dari awal tahun lalu hingga 30 Disember 2022.

Katanya, keuntungan QL Resources Bhd, antara penternak utama di Malaysia, boleh terjejas susulan kenaikan harga komoditi berkenaan.

"Panduan daripada pengurusan mengatakan bahawa kos bahan mentah boleh dialihkan ke-

Harga soya dan jagung meningkat antara 16.2 peratus dan 34.8 peratus dari awal tahun lalu hingga 30 Disember 2022.

pada pelanggan, bagaimanapun ia mungkin mengambil masa di antara tiga bulan hingga tujuh bulan.

"Dalam masa itu, kami menjangkakan marginya untuk meningkat. Harga soya dan jagung pula masing-masing telah meningkat sebanyak 16.2 peratus dan 34.8 peratus dari awal tahun lalu hingga 30 Disember 2022," katanya.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu, sebelum ini berkata kenaikan harga ayam dan telur yang agak tinggi berpunca daripada faktor makanan ayam itu sendiri yang turut mengalami peningkatan yang mendadak.

Katanya, faktor makanan yang diimport juga menyebabkan berlaku peningkatan berganda.

Kos pengeluaran ayam

Sementara itu Ketua Perangkan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata secara purata, kos pengeluaran ayam dalam negara adalah RM6.53 sekilogram (kg) pada September lalu.

Katanya, harga sekilogram ayam di ladang dengan mengambil kira lima peratus, 10 peratus dan 20 peratus keuntungan daripada 20 peratus pengeluaran yang direkodkan berada di antara julat RM6.86 hingga RM7.84, manakala margin keuntungannya pada

peringkat borong merekodkan RM1.50.

Beliau berkata, di peringkat runcit pula, margin keuntungan sekilogram ayam mencatatkan RM1.25.

"Bagi telur ayam, purata kos pengeluaran sebiji telur mencatatkan 48 sen. Sekiranya mengambil kira lima peratus, 10 peratus dan 20 peratus keuntungan daripada kos pengeluaran, harganya di ladang direkodkan antara julat 50 sen hingga 58 sen sebiji.

"Margin keuntungan sebiji telur ayam peringkat borong dan runcit pula masing-masing catatkan 4 sen dan 2 sen," katanya menerusi kenyataan baru-baru ini.



(Foto hiasan)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/1/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

Cadangan kawal kestabilan harga makanan dibawa ke Kabinet esok



Salahuddin berkata, satu pertemuan telah diadakan bersama Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Chan Foong Hin pada Selasa. - Gambar fail

SHAH ALAM : Cadangan untuk mengawal kestabilan harga makanan akan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri esok.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, satu pertemuan telah diadakan bersama Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Chan Foong Hin pada Selasa.

“Perbincangan pada hari ini adalah mengenai cadangan untuk mengawal kestabilan harga daging khinzir yang menjadi tumpuan pembeli khususnya pada musim perayaan (Tahun Baru Cina),” katanya menerusi Facebook pada Selasa.

Menurutnya, Kerajaan Perpaduan komited dalam meneruskan kerjasama rentas kementerian.

Katanya, MAFS dan KPDN akan memastikan rantai bekalan makanan kekal stabil demi kesejahteraan rakyat. - [Sinar Harian](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/1/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	4

LPP semak senarai layak dapat bantuan BERNAS

Kuala Lumpur: Kira-kira 240,000 pesawah di seluruh negara akan menerima manfaat sumbangan Bantuan Khas Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) yang secara keseluruhan berjumlah RM60 juta tahun depan.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) memaklumkan, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) selaku agensi pembayar sedang mengenal pasti dan menyemak senarai pesawah yang layak berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan bagi memastikan proses pemberian bantuan berkenaan berjalan lancar.

“Bantuan ini adalah insentif khas kerajaan kepada pesawah oleh BERNAS dalam membantu meringankan kos sara hidup pesawah selain manfaat sedia ada yang disediakan kerajaan dalam bentuk subsidi.

“Kementerian ini sentiasa peka dan prihatin dengan kebajikan golongan petani, penternak dan nelayan selain turut menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif kepada golongan sasar MAFS,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Sebelum ini, Menteri berkaitan, Mohamad Sabu memaklumkan 20,958 pesawah di tiga negeri Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang akan menerima sumbangan BERNAS bagi 2022 berjumlah RM250 seorang menggunakan dana RM10 juta selwat-lewatnya 16 Januari ini.

Penyaluran peruntukan khas Bernas berperingkat

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) menjelaskan penyaluran peruntukan khas daripada Padiberas Nasional Berhad (Bernas) berjumlah RM10 juta bagi tahun 2022 dilaksanakan secara berperingkat kepada tiga negeri di Pantai Timur terlebih dahulu iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang melibatkan seramai 20,598 pesawah.

Kementerian itu dalam satu kenyataan berkata, pesawah dari negeri lain akan menerima bantuan khas ini apabila baki berjumlah RM50 juta disalurkan bermula awal tahun 2023.

"Dianggarkan seramai 240,000 pesawah di seluruh negara akan menerima manfaat daripada sumbangan Bernas yang secara keseluruhan berjumlah RM60 juta.

"Bantuan ini merupakan insentif khas kerajaan kepada pesawah oleh Bernas dalam membantu meringankan kos sara hidup pesawah selain manfaat sedia ada yang disediakan kerajaan dalam bentuk subsidi," katanya pada Selasa.

Sebelum ini, Menteri MAFS, Mohamad Sabu mengumumkan bahawa bantuan khas daripada Bernas berjumlah RM10 juta bagi tahun 2022 akan disalurkan secara berperingkat kepada pesawah berjumlah RM250 bagi setiap orang.

Tambah kementerian, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) selaku agensi pembayar sedang mengenal pasti dan menyemak senarai pesawah yang layak berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi memastikan proses penyaluran bantuan khas ini berjalan lancar.

Menurutnya, pihak kementerian sentiasa peka dan prihatin dengan kebajikan golongan petani, penternak dan nelayan selain turut menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada golongan sasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/1/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

LPP kenal pasti senarai pesawah layak dapat Bantuan Khas Bernas



Penyaluran peruntukan khas itu dilaksanakan secara berperingkat di tiga negeri Pantai Timur terlebih dahulu iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. - Gambar fail

PUTRAJAYA: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sedang mengenal pasti dan menyemak senarai pesawah yang layak untuk mendapat Bantuan Khas Padiberas Nasional Bhd (Bernas), kata Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS).

Dalam kenyataan hari ini MAFS berkata LPP selaku agensi pembayar sedang mengenal pasti senarai berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi memastikan proses penyaluran bantuan khas berjalan lancar.

Menurutnya penyaluran peruntukan khas itu dilaksanakan secara berperingkat di tiga negeri Pantai Timur terlebih dahulu iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang melibatkan seramai 20,598 pesawah.

"Manakala para pesawah dari negeri-negeri lain di seluruh negara akan menerima bantuan khas ini apabila baki berjumlah RM50 juta disalurkan bermula awal tahun 2023.

"Dianggarkan seramai 240,000 orang pesawah di seluruh negara akan menerima manfaat daripada sumbangan Bernas yang secara keseluruhan berjumlah RM60 juta," menurut kenyataan itu.

MAFS berkata bantuan khas itu merupakan insentif khas kerajaan kepada pesawah oleh Bernas dalam membantu meringankan kos sara hidup para pesawah selain manfaat sedia ada yang disediakan oleh kerajaan dalam bentuk subsidi (input dan output).

Sebelum ini, Bernas bersetuju dengan permintaan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya disediakan peruntukan sebanyak RM60 juta bagi membantu pesawah di seluruh negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu pada 31 Dis lepas berkata seramai 20,598 pesawah di Pantai Timur akan menerima manfaat daripada Bantuan Khas Bernas sebanyak RM250 bagi setiap pesawah yang akan disalurkan secara berperingkat, selewat-lewatnya hingga 16 Jan ini.

— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/1/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

20,598 pesawah Pantai Timur penerima pertama agihan bantuan khas Bernas



KUALA LUMPUR – Pesawah di Kelantan, Terengganu dan Pahang menjadi penerima pertama Bantuan Khas PadiBeras Nasional Berhad (Bernas) bernilai RM10 juta yang akan diagihkan secara berperingkat-peringkatkan

Manakala, pesawah-pesawah dari negeri-negeri lain di seluruh negara akan menerima bantuan khas ini apabila baki berjumlah RM50 juta disalurkan bermula awal tahun 2023.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) berkata, dianggarkan seramai 240,000 orang pesawah di seluruh negara akan menerima manfaat daripada sumbangan Bernas yang secara keseluruhan berjumlah RM60 juta.

Bantuan ini merupakan insentif khas kerajaan kepada pesawah oleh Bernas dalam membantu meringankan kos sara hidup para pesawah selain manfaat sedia ada yang disediakan oleh kerajaan dalam bentuk subsidi (input dan output).

Menurut MAFS, pada masa ini, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) selaku agensi pembayar sedang mengenal pasti dan menyemak senarai pesawah yang layak berdasarkan prosedur operasi standard yang ditetapkan bagi memastikan proses penyaluran bantuan khas ini berjalan lancar.

Jelasnya, kementerian ini sentiasa peka dan prihatin dengan kebajikan golongan petani, penternak dan nelayan selain turut menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif kepada golongan sasar MAFS. – MalaysiaGazette

Pengusaha rugi, sarang kelulut hanyut

HULU TERENGGANU – Seorang pengusaha madu kelulut bagaikan jatuh ditimpa tangga apabila sarang kelulutnya sekali lagi musnah akibat banjir besar baru-baru ini.

Yahaya. Abdullah, 62, berkata, sebanyak enam sarang kelulutnya dihanyutkan bah pada 19 Disember lalu.

Tambahnya, sebelum ini, sebanyak 48 sarang kelulutnya turut rosak akibat banjir luar biasa yang berlalu pada akhir Februari tahun lalu.

"Keseluruhan 54 sarang kelulut saya usahakan musnah dalam dua kejadian banjir besar sepanjang tahun lalu.

"Kini sarang kelulut saya hanya tinggal 15. Tidak sangka ditimpa musibah dua kali berturut-turut dalam tempoh setahun," katanya ketika ditemui di Kampung Lubuk Periuk, di

sini semalam.

Yahaya yang memelihara lebah kelulut spesies *Itama* serta *Thoracica* berkata, walaupun kawasan rumahnya pernah dilanda banjir sebelum ini, ia tidak pernah menjejaskan sarang kelulut yang diusahakannya sejak empat tahun lalu.

Begitupun, dia berkata, dua kejadian banjir pada Februari dan bulan lalu amat besar sehingga menenggelamkan kawasan rumahnya termasuk sarang kelulutnya sedalam kira-kira dua meter.

"Dalam kedua-dua banjir tersebut, saya tidak sempat alihkan kesemua sarang kerana air naik mendadak.

"Ikutkan pendapatan menjual madu kelulut ini boleh mencecah RM4,000 sebulan tetapi apakan daya banyak sarang yang rosak," katanya.



YAHAYA menunjukkan sarang kelulutnya yang musnah akibat banjir di Kampung Lubuk Periuk, Hulu Terengganu semalam.